



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang
<http://www.penang.gov.my>

E-mail : jamal@penang.gov.my

Web: www.penang.gov.my

Tel: 04-2615613

Fax: 04-2618618

Ruj. Kami : PSUKPP/05/0755/2 Klt. 2 (6)

Tarikh : 2 Rabiul Awal 1430 H
27 Februari 2009

**Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN BIL. 1 TAHUN 2009

DASAR KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI PULAU PINANG

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk melaksana dan menghebahkan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang kepada agensi-agensi Kerajaan Negeri.
2. Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang ini merupakan usaha dan langkah-langkah bagi menjamin keselamatan ICT Kerajaan Negeri secara menyeluruh daripada ancaman-ancaman pencerobohan dan melindungi aset ICT Kerajaan Negeri.

LATAR BELAKANG

3. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 2009 ini adalah selaras dengan Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 bertajuk “Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan” daripada MAMPU.

4. Selaras dengan penggunaan ICT yang meluas di pentadbiran negeri serta pelbagai bentuk ancaman ICT, Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri ini amat penting dikuatkuasakan bagi melindungi aset ICT Kerajaan Negeri.

KANDUNGAN DASAR

5. Dasar ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut :
- (a) Prinsip Dasar Keselamatan ICT
 - (b) Pembangunan dan Penyelenggaraan Dasar
 - (c) Organisasi Pengurusan Keselamatan ICT
 - (d) Pengurusan Risiko Keselamatan ICT
 - (e) Klasifikasi dan Pengendalian Maklumat
 - (f) Keselamatan Sumber Manusia
 - (g) Keselamatan Fizikal dan Persekitaran
 - (h) Keselamatan Operasi, Komunikasi dan Rangkaian
 - (i) Kawalan Capaian
 - (j) Keselamatan Sistem Aplikasi
 - (k) Pelan Kesenambungan Perkhidmatan dan Pemulihan Bencana
 - (l) Pematuhan

SURAT AKUAN PEMATUHAN

6. Semua Ketua Jabatan perlu memastikan setiap pegawai dan kakitangan di bawahnya untuk menandatangani Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT Negeri seperti yang dilampirkan dan difailkan ke dalam fail peribadi masing-masing.

PEMAKAIAN

7. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri untuk diterima pakai manakala Agensi Negeri dan Pihak

Berkuasa Tempatan Negeri adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

TARIKH KUATKUASA

8. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 27 Februari 2009.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Jamaludin Bin Hasan'. The signature is stylized and cursive.

DATO' JAMALUDIN BIN HASAN
Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

SENARAI LAMPIRAN

1. Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT Negeri Pulau Pinang
2. Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang



**SURAT AKUAN PEMATUHAN
DASAR KESELAMATAN ICT NEGERI PULAU PINANG**

Saya,
No Kad Pengenalan :
Di jabatan

dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi peruntukan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang serta apa-apa peraturan dan arahan lain yang berkaitan yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh perkhidmatan saya. Maka dengan itu saya berjanji akan melaksanakan tanggungjawab saya sebagaimana yang telah termaktub di dalam Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri Pulau Pinang.

Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya disabitkan kerana telah melanggar Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri ini, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pulau Pinang) 1997.

.....
(Tandatangan Pegawai)

.....
(Jawatan Pegawai)

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

.....
(Tarikh)

.....
(Cop Rasmi Jabatan)